

05 JUN 1998

MAHATHIR-KADAR FAEDAH/I

DR M ULANGI KADAR FAEDAH TINGGI TIDAK BAIK BAGI NEGARA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dasar kewangan yang ketat mungkin tidak begitu baik bagi negara.

"Saya tidak semestinya nmenyetujui dasar kewangan ketat Bank Negara," katanya apabila ditanya pendapatnya tentang dasar bank pusat itu mengekalkan kadar faedah yang tinggi.

"Kadar faedah yang tinggi sebenarnya telah menyebabkan ekonomi menguncup," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan kerja selama lima hari ke Jepun. Ekonomi Malaysia menyaksikan pertumbuhan negatif 1.8 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Apabila diminta mengulas tentang pendapat yang nampaknya berbeza antaranya dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim tentang kadar faedah, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada perbezaan antara saya dan Datuk Seri Anwar. Apa yang dia kata ialah apa yang saya beritahu anda sebelum ini."

Anwar berkata minggu ini bahawa kadar faedah masih kukuh dan tahapnya haruslah ditentukan oleh kuasa pasaran. Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa masyarakat perniagaan merasakan kadar yang ada sekarang terlalu tinggi.

Dr Mahathir berkata kadar faedah berkesan dan kadar faedah berian pinjaman adalah dua perkara berbeza.

"Bila kadar faedah meningkat ke tahap tertinggi 24 peratus Februari lalu dan kemudiannya turun kepada 16 peratus, ia telah mencemaskan masyarakat perniagaan.

"Masalah sekarang ialah bagaimana hendak mengurangkan kos dana bank. Kita sedang cuba mencari penyelesaian agar kadar antara bank tidak menjejaskan kadar berian pinjaman."

Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) berlegar di sekitar 11 peratus dan kata Dr Mahathir, tahap begini boleh diterima di kalangan masyarakat perniagaan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan mendapatkan pinjaman dalam nilai matawang yen sehingga bersamaan di antara AS\$1 bilion dan AS\$2 bilion.

Katanya kita tidak akan lagi meminjam dalam nilai matawang dolar Amerika kerana matawang itu telah meningkat dengan begitu cepat.

"Jika kita meminjam dalam nilai matawang dolar AS, kita akan susah.eloklah kita jangan berurus niaga dalam dolar AS langsung, jika boleh," beliau menasihatkan.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa gagasan untuk berurus niaga dalam nilai matawang rakan perdagangan tidak menerima sebarang bantahan, terutama daripada Stanley Fischer, timbalan pengarah urusan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dr Mahathir menemui Fischer di Tokyo di mana kedua-duanya menghadiri satu simposium anjuran Institut Hal Ehwat Kewangan Antarabangsa.

"Malah, tidak ada satu matawangpun yang boleh mendakwa bahawa ia adalah matawang dunia," tegas Dr Mahathir, sambil menambah kata bahawa Jepun bersedia menjalankan urus niaga dalam yen.

-- BERNAMA

DVS SJ KY OS